*EDUCATUM – Journal of Social Science, Volume 10 Number 1 2024*
*ISSN 2289-9391 / eISSN 2462-2443 (1-15)*

# Kajian Pengetahuan Kesahihan Literasi kandungan Maklumat Politik di laman sosial *Facebook* di kalangan wanita Belia di Malaysia

**Norazmina Najibah Mohd Sani*, Nor Azura Adzharuddin & Mastura Mahamed**

Jabatan Komunikasi, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra, Malaysia, Serdang,
Selangor, Malaysia
Email: minnajibah@gmail.com

**Published:** 19 January 2024

**To cite this article (APA):** Mohd Sani, N. N., Adzharuddin, N. A., & Mahamed, M. (2024). Kajian Pengetahuan Kesahihan Literasi kandungan Maklumat Politik di laman sosial Facebook di kalangan wanita Belia di Malaysia. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, *10*(1), 1–15. https://doi.org/10.37134/ejoss.vol10.1.1.2024

**To link to this article:** https://doi.org/10.37134/ejoss.vol10.1.1.2024

## ABSTRAK

Literasi media adalah untuk mengukur penggunaan media dan keupayaan untuk menganalisis maklumat di media. Maklumat yang tidak sahih banyak tersebar di media sosial seperti Facebook, hal ini dapat menyukarkan seseorang untuk menapis dan memproses maklumat yang diterima dengan berkesan. Maklumat politik di media sosial mudah didapati secara provokatif berbanding media konvensional (TV, Radio dan suratkhabar) ini adalah kerana maklumat politik di Facebook tidak disunting menjadi bacaan umum, oleh sebab itu ia mengandungi maklumat provokasi, fitnah dan isu sensasi politik yang tidak dilaporkan dikebanyakkan media konvensional. Terdapat jurang jantina dalam penggunaan kandungan maklumat di Facebook. Ini adalah kerana lelaki lebih cenderung untuk mengetahui maklumat politik berbanding wanita menyebabkan wanita kurang penglibatan dalam bidang politik. Maklumat tidak sahih yang berkaitan dengan isu politik boleh memberi kesan kepada masyakarat dan memberi gangguan kepada politik semasa, ini adalah kerana individu yang menerima kandungan maklumat tidak sahih akan kekal mempercayai maklumat tersebut serta dapat memberi pengaruh kepada tingkah laku. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti pengetahuan wanita belia dalam mentafsir kesahihan literasi kandungan maklumat politik di Facebook, dan mengkaji kesan tingkah laku wanita belia terhadap kandungan maklumat politik di Facebook.Kajian ini akan dijalankan melalui kaedah kualitatif iaitu melalui temubual secara mendalam. Informan yang dipilih adalah dikalangan wanita belia berumur 18 tahun sehingga 38 tahun, dan seramai dua orang akan digunakan sebagai informan. Kajian ini akan mengunakan teknik persempelan bertujuan serta menggunakan *Atlas.ti*. Perbincangan akan menghasilkan tema dan beberapa kategori. Pengetahuan kesahihan literasi kandungan maklumat politik dapat membantu pengguna media sosial untuk membuat keputusan yang berasaskan fakta dan bukan emosi semata-mata. Literasi media yang tinggi dapat mengelakkan individu daripada terpengaruh oleh kesan negatif media dan menimbulkan kontroversi. Kajian akan datang adalah dengan mencadangkan kajian tentang literasi media yang menggunakan wanita sebagai tajuk utama media.

**Kata kunci:** pengetahuan literasi, kesahihan maklumat, maklumat politik, Facebook, wanita belia

## PENGENALAN

Pengetahuan literasi boleh digambarkan sebagai satu proses untuk mengakses kandungan, menganalisis secara kritis, menghantar dan mencipta kandungan di media terutama media sosial Facebook. Literasi media amat diperlukan untuk menentukan keupayaan seseorang dalam memilih kandungan media yang digunakan. Hal ini adalah kerana pengguna akan terdedah dengan kandungan maklumat tidak sahih yang dikategori sebagai maklumat palsu, maklumat salah, maklumat tidak tepat atau maklumat yang mengelirukan (Zelizer, S. 2017). Literasi kandungan maklumat penting di kalangan masyarakat (Vraga

et al., 2020). Peranan literasi kandungan maklumat adalah penting untuk membantu masyarakat memahami cara memproses dan berkongsi maklumat di media sosial (Martel et al., 2020).

Media sosial juga berfungsi sebagai pintu masuk yang lebih penting kepada berita tidak sahih daripada berita tradisional (Stromback et al., 2022). Kebanyakan orang menggunakan media sosial sebagai sumber utama berita mereka, terutama mengenai berita politik atau pilihan raya (Mitchell et al., 2020). Maklumat tidak sahih merupakan maklumat palsu, tetapi tidak dicipta dengan niat untuk membahayakan, dalam erti kata lain, penyampai maklumat tidak menyedari kepalsuannya (Asia Centre, 2022). Maklumat tidak sahih tersebar berleluasa di media sosial, boleh menyukarkan seseorang untuk menapis dan memproses maklumat yang diterima dengan berkesan. Kandungan maklumat seperti jumlah reaksi, perkongsian, dan komen, sangat penting (Miriam, 2020). Media sosial adalah akses dan pertukaran berita serta maklumat dalam bentuk bertulis, lisan dan visual, serta sangat mudah dan ringkas (Giselle, T. 2020). Media sosial telah berkembang sejak dahulu lagi, algoritma yang digunakan untuk menganalisis data diperoleh, kemudian ditapis dan dianggap paling relevan kepada pengguna (Swart et al., 2021). Daripada perspektif pembangun teknologi, media sosial ia telah direka untuk memaksimumkan penglibatan masyarakat (Bergstrom, W. 2020). Orang ramai mula menggunakan media sosial sebagai sumber maklumat terutama Facebook (Angela M. Kohnen et al., 2023).

Facebook adalah platform pilihan di seluruh dunia dan kira-kira 2.89 billion pengguna aktif (Statista, 2021). Jabatan Penyelidikan Statista,2020, juga menunjukkan jumlah pengguna Facebook di Malaysia meningkat dari tahun 2017 hingga tahun 2019 dan ramalan ini sehingga tahun 2025. Menjelang tahun 2025, jumlah pengguna Facebook di Malaysia dijangka mencapai 27.3 juta, meningkat daripada 23 orang juta pada tahun 2019. Menurut Rasmus Kleis Nielsen et al., (2019), Facebook dapat mengakses kepada kelompok yang besar, dan tahap penglibatan yang tinggi mengenai kandungan yang dihasilkan. Mengikut kajian yang dilakukan oleh Pusat Penyelidikan Undian UCSI (2021), mendapati bahawa media sosial seperti Facebook merupakan platfrom yang tertinggi digunakan oleh rakyat Malaysia.Facebook juga merupakan sumber untuk mendapatkan maklumat politik (Nor Hafizah Abdullah et al., 2021). Hal ini disokong oleh De Vreese, M. (2014), menyatakan bahawa penggunaan di media sosial boleh mempengaruhi pengetahuan politik, nilai, sikap, dan penyertaan politik seseorang. Facebook merupakan rangkaian maklumat dalam membuat keputusan undian pemilihan parti politik oleh pengguna bukan sahaja di Malaysia malah di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat. Penglibatan masyarakat dalam politik adalah penting untuk pembentukan sesuatu negara.

Namun terdapat jurang penglibatan politik di antara lelaki dan Perempuan sedikit sebanyak dipengaruhi oleh kandungan maklumat yang diperoleh dan penggunaan maklumat yang telah dikenal pasti (Toff, P. 2019). Menurut Almenar et al., (2020), lelaki lebih cenderung untuk mengetahui maklumat politik berbanding wanita. Wanita yang berumur di antara 18 hingga 25 tahun iaitu wanita belia, adalah golongan yang sangat signifikan kepada masa depan politik negara (Sharifah Syahirah et al., 2016). Hal ini juga disokong oleh, Fadilah et al., 2015, Sharifah et al., 2016,dimana generasi Gen Y, yang berumur dalam lingkungan 35 tahun kurang atau tidak suka mencampuri urusan politik walaupun mereka dikategorikan sebagai Celik IT. Menurut artikel *The Economist Intelligence Unit and Google Studied Online Violence* (2021) mendapati bahawa wanita belia mudah terdedah dengan maklumat tidak sahih, mereka kurang berminat dengan politik menyebabkan mereka lemah dalam mentafsir kesahihan kandungan maklumat politik.Wanita dilihat lebih berminat dengan maklumat dan laporan yang berkaitan secara langsung dengan kehidupan seharian, seperti cuaca, kesihatan dan lain-lain, ini menyebabkan mereka kurang berminat dengan berita politik (Loke et al., 2017).Representasi sesuatu kumpulan dalam sistem negara adalah penting bagi memastikan suara dan kepentingan kumpulan tersebut didengari serta diberi perhatian (Sharifah Syahirah et al., 2018).

Oleh itu pengetahuan literasi kandungan di media dan sikap serta tingkah laku ini akan lebih memberi kecenderungan kognitif yang mengehadkan atau menghalang orang daripada menerima pengetahuan yang ada (Stromback et al., 2022). Oleh itu, literasi kandungan maklumat politik mungkin diperlukan di media sosial dalam membantu dan menilai imej wanita terhadap kandungan media terutama maklumat politik. Sekiranya maklumat tidak sahih tidak di banteras maka ia akan memberi implikasi negatif terhadap politik (Freeze et al., 2020). Literasi media adalah untuk mengukur penggunaan media dan keupayaan untuk menganalisis kandungan maklumat di media (Eristi, E. 2017). Literasi kandungan media terutama maklumat politik adalah penting untuk kestabilan negara. Walau bagaimana pun terdapat jurang penglibatan politik di kalangan lelaki dan wanita. Lantikan wanita di dalam parlimen atau sebagai ahli dan juga speaker adalah sedikit berbanding lelaki. Pilihan raya umum

ke-15, mendapati bahawa terdapat kekurangan sensitiviti, seksisme yang terang-terangan dan stereotaip gender yang dipaparkan dalam media terhadap ahli parlimen, bekas ahli parlimen, calon-calon ahli parlimen dan pengundi di kalangan wanita, tumpuan ini menyebabkan tindak balas terhadap komen negatif orang ramai mengenai apa yang dikatakan (Free Malaysia today, 19 November, 2022).Sumber dan kandungan tidak dapat dikawal dengan betul, berpotensi untuk menyebarkan maklumat tidak sahih dan tidak bertanggung jawab (Alif et al., 2018).Perkembangan mengenai maklumat tidak sahih yang berkaitan dengan isu politik akan memberi kesan kepada masyakarat dan memberi gangguan kepada politik semasa (Fazlina et al., 2019).Artikel ini ialah mengenal pasti pengetahuan wanita belia dalam mentafsir kesahihan kandungan maklumat politik di Facebook, dan mengkaji kesan tingkah laku wanita belia terhadap kandungan maklumat politik di Facebook.

## PERNYATAAN MASALAH

Wanita belia dilihat kurang berpengetahuan dalam mentafsir maklumat politik dan mereka mudah terdedah kepada maklumat tidak sahih, hal ini menyebabkan kurang penyertaan mereka dalam bidang politik. Menurut laporan UN; *The State of the World Girls*, (2021), kebanyakan wanita belia tidak aktif dalam politik, bukan kerana mereka kurang pengetahuan dalam politik tetapi mereka sukar untuk mentafsir kesahihan maklumat tersebut. Kajian Matthes et al., (2020), menyatakan bahawa individu yang mempunyai pengetahuan yang rendah dalam menafsir kandungan maklumat tidak sahih di media sosial, adalah mereka yang lemah dalam menyiasat kandungan dan menilai maklumatnya. Kebimbangan maklumat tidak sahih ini tertumpu kepada wanita dalam politik (Rodriguez-Virgili et al., 2020). Menurut Greenwood, S. (2018) Lewandowsky et al., (2012), maklumat tidak sahih akan menjadi asas kepada keputusan politik dan masyarakat.

Individu yang berhadapan dengan maklumat tidak sahih ini mungkin akan menjejaskan sikap mereka (Walter, M. 2018). Kajian yang telah dibuat oleh Pusat Penyelidikan Undian UCSI, (2021), mendapati bahawa individu yang menerima kandungan maklumat tidak sahih akan kekal mempercayai maklumat tersebut dan dapat memberi pengaruh kepada tingkah laku yang berlarutan (Cook, J. et al., 2022). Kajian oleh Marcelo et al., (2022), telah mencadangkan kajian akan datang perlu dibuat dalam mengkaji tingkah laku terhadap kesahihan maklumat. Oleh yang demikian, kandungan mengenai wanita juga dianggap sebagai gangguan dan fitnah di platform media sosial (*Carnegie Endowment for International Peace*, 2020). Tindakan yang diambil oleh masyarakat terhadap kesedaran dalam memerangi kandungan maklumat tidak sahih masih rendah (laporan Pusat Penyelidikan Undian UCSI, 2021). Oleh itu, literasi media amat diperlukan untuk menentukan keupayaan seseorang dalam memilih kandungan media yang digunakan serta mengelakkan penggunaan kandungan media yang tidak diperlukan (Shahrul Nazmi Sannusi et al., 2021, Rianto, 2016). Kajian ini berbeza dengan kajian lepas kerana kajian ini lebih mengfokuskan kepada wanita muda dan juga pengetahuan kesahihan literasi maklumat politik.

## SOROTAN LITERATUR

### Pengetahuan Literasi

Pengetahuan literasi media adalah penting supaya dapat menilai kesahihan kandungan sesuatu maklumat di media. Menurut Baran S. J (2014), literasi media adalah dimana penerima akan terdedah dan mendedahkan diri kepada kandungan yang diterima. Namun mereka yang menerima kandungan media belum tentu mempunyai pengetahuan sepenuhnya tentang kesahihan sesuatu maklumat tersebut terutama maklumat yang berkaitan dengan politik. Menurut Mohamad, M. (2017); Mohd Sufiean Hassan et. al., (2019), kualiti maklumat dan keperluan terhadap maklumat yang diperoleh di media sosial penting berbanding media lain. Kebolehan dalam mengakses, memahami, dan menilai secara kritis kandungan media dan mencipta mesej dalam pelbagai bentuk perlu untuk menilai kesahihan literasi kandungan maklumat tersebut (Livingstone, 2019). Bagaimanapun, Irianto, (2017), berpendapat bahawa kesedaran literasi ialah kemampuan strategik yang harus dimiliki oleh setiap individu dalam

negara dalam mengukur penggunaan media dan keupayaan untuk menganalisis maklumat di media (Eristi, E. 2017). Pengguna cepat menilai kandungan dalam talian dan menggabungkan aspek pemikiran metakognitif, dimana kajian lepas berpendapat ia penting sebagai celik maklumat (Metzger et al., 2015; Sommer, M. et al., 2023).

Kajian lepas oleh Tamboer et al., (2022), mencadangkan untuk lebih menumpukan kepada definisi yang lebih luas tentang maksud media literasi. Kajian ini menunjukkan bahawa pengetahuan tentang media berita tidak secara automatik, melalui dapatan kajian lepas juga mendapati bahawa remaja masih terlalu pasif terhadap media literasi. Kajian yang dibuat oleh Hamdani, S. (2020), media literasi masih agak rendah dan mencadangkan untuk mengenal pasti model literasi media baharu yang dapat memperkenalkan cara untuk mengenal pasti berita palsu dan meneroka akibat tingkah laku berita palsu dikalangan pelajar universiti. Ini adalah kerana, pengguna tidak mempunyai keupayaan untuk menganalisis mesej dari media dengan baik atau boleh ditafsirkan sebagai kekurangan pengetahuan dan literasi media dan pendapat ini disokong oleh kajian Trinovella Elvionita, SN. (2021). Kesan literasi kandungan media kepada individu dan masyarakat dapat membantu dalam aspek analisis dan penilaian. Idea utama literasi media adalah sebagai garis panduan kepada pengguna media terutama golongan muda menggunakan media dengan asas nilai integriti (Mohd Sufiean Hassan et al., 2019). Ini terbukti pemeriksa fakta literasi media adalah penting (Michael Hameleers, 2022).

Kajian oleh Tedesco et al., 2007; Tedesco, 2011, mendapati bahawa pengetahuan maklumat politik adalah faktor penyertaan politik golongan muda yang hanya dinilai dari sudut tahap pengetahuan politik (Ashley,M. 2017; Nord et al., 2014; Milner, 2007), ia di sokong melalui kajian lepas dimana pengetahuan kemahiran seseorang dalam menganalisis dan menilai sumber politik menyebabkan faktor kecenderungan mereka dalam politik (Jungberg et al., 2013) dan tidak menguji tahap nilai integrity maklumat tersebut (Bakker, 2007).Kajian lepas juga tidak mengfokuskan kajian mengenai pengetahuan terhadap kesahihan literasi kandungan maklumat terutama di sosial media.Kajian lepas terhadap penyertaan politik dalam kalangan golongan muda di media sosial hanya terarah kepada jenis media sosial (Huibers et al., 2011), frekuensi penggunaan media sosial (Valenzuela, 2013a) dan impak penggunaan media sosial akan menyumbang kepada kecenderungan tinggi penyertaan politik yang lebih agresif (Omelicheva, A., 2017; Valenzuela, 2013; Zhang,L. 2014).

Literasi politik adalah kemahiran yang diperlukan untuk memahami,menganalisis dan menilai isu-isu politik yang mempengaruhi masyarakat dan negara ( Othman et al., 2021).Literasi politik belia Malaysia adalah penting untuk membentuk kematangan politik,kesedaran sosial dan tanggungjawab sivik dalam kalangan generasi muda yang merupakan asset utama negara ( *12 Mei 2019, Literasi Politik Belia Malaysia, Sinar Harian*).Pengetahuan wanita belia dalam mentafsir literasi kandungan maklumat politik adalah salah satu aspek yang boleh meningkatkan literasi politik mereka ( Othman et al., 2021).Ini kerana wanita belia perlu mempunyai keupayaan untuk mengkritik, menilai dan menyaring maklumat politik yang diterima daripada pelbagai sumber seperti media sosial, akhbar, televisyen dan lain-lain.

## Kesahihan Maklumat

Maklumat boleh muncul sebagai teks, imej, video dan audio atau gabungan dari semua kerana ia dicipta atau dimanipulasi oleh manusia (Philip, L.N., 2021). Kesahihan kandungan maklumat penting untuk memberi kepercayaan kepada penerima. Ini adalah kerana penglibatan kandungan pengguna, seperti jumlah reaksi, perkongsian, dan komen, sangat penting (Bucher, 2012; DeVito, 2017; Miriam, 2020). Kajian yang dilakukan oleh Ahmad Fahmi Mahmood et al., (2021), kandungan yang mengelirukan pada mulanya boleh dikeluarkan dengan niat dan kemudian terus disebarkan dan dikongsi oleh pengguna media sosial yang tidak menyedari asal usul dan matlamat awalnya (Shu et al., 2020). Menurut Clayton et al., (2019) mendapati bahawa maklumat tidak sahih yang ditunjukkan kepada orang ramai sebelum pendedahan berita mengurangkan ketepatan tanggapan terhadap tajuk berita yang sahih dan tidak sahih. Maklumat sahih boleh membantu individu mengatasi kesan maklumat tidak sahih terhadap sikap dan ingatan, tetapi pembetulan selalunya hanya sebahagian dan boleh memberi kesan negatif yang berpanjangan terhadap kepercayaan (Melanie Freeze et al., 2020). Sharifah Sari (2018) berpendapat bahawa maklumat yang terdapat di dalam jaringan media sosial kebanyakannya tidak dapat dipastikan kesahihannya secara keseluruhan.

Hal ini adalah kerana kesahihan maklumat akan diproses melalui perantaraan contohnya, kenalan, ahli politik, atau sumber media dan wartawan atau individu yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman sedia (Melanie Freeze et al., 2020). Maklumat yang diterima akan dianggap sebagai, maklumat yang boleh dipercayai atau tidak boleh dipercayai (Yash et al., 2021). Kajian eksperimen oleh Bowyer, K., (2019) mendapati bahawa mereka yang mempunyai pengetahuan yang lebih tinggi lebih berkebolehan untuk mengenal pasti maklumat tidak sahih dan sejajar dengan ideologi politik mereka sendiri. Mereka kurang berkebolehan menafsir mungkin tidak mempunyai keupayaan untuk mengenali kesahihan maklumat, terutamanya mereka yang mempunyai tahap pendidikan yang lebih rendah (Georgiou et al., 2020). Hal ini adalah kerana, maklumat yang diterima sama ada berkualiti rendah atau tinggi adalah berdasarkan kebolehpercayaan terhadap sumber (Van Duyn, C. 2019). Penting untuk masyarakat menilai kualiti kandungan dalam menentukan sama ada ia boleh dipercayai (Miller, 2019).

## Kandungan Maklumat Facebook

Media sosial adalah akses dan pertukaran berita serta maklumat dalam bentuk bertulis,lisan dan visual, serta sangat mudah dan ringkas (Giselle,T. 2020).Statistik yang dikeluarkan oleh Alexa Web Information (2015) boleh dijadikan bukti bahawa ruangan Facebook telah menjadi tapak penting kepada pengguna dunia siber untuk berkomunikasi serta berkongsi maklumat teks tanpa perlu bersemuka.Terdapat 30,011 500 ribu pengguna Facebook di Malaysia pada September 2023, yang merangkumi 86.9% daripada keseluruhan populasinya. Sumber daripada Statistic (2023) majoriti diantara mereka adalah berumur 25 hingga 34 tahun iaitu sebagai kumpulan pengguna terbesar (9, 400 000 ribu pengguna). Media sosial merujuk kepada aplikasi berdasarkan Internet yang membolehkan penciptaan dan pertukaran kandungan yang dihasilkan pengguna (Adaja, A. 2013), di mana pengguna adalah pengguna dan pencipta kandungan cetak, gambar atau video (David, 2013). Penyelidik kajian lepas juga mendapati bahawa media sosial penuh dengan maklumat yang tidak sahih, atau maklumat yang tidak benar atau mengelirukan (Allcott et al., 2019; Lewandowsky et al. 2017). Hantaran (posting) di media sosial akan menggambarkan personaliti, kredibiliti dan reputasi seseorang ahli politik, sekali gus melambangkan imej parti politik berkenaan (Berita Harian, 14 Mac 2020).

Facebook telah kenal pasti sebagai tempat tercetus penyebaran maklumat tidak sahih (Hameleers, 2020). Facebook merupakan rangkaian maklumat dalam membuat keputusan undian oleh pengguna bukan sahaja di Malaysia malah di negara-negara maju yang lain. Menurut Jammie Manning (2014), Facebook adalah tidak pasif sepenuhnya, walaupun bagaimanapun laman sosial itu mungkin membenarkan paparan pasif mengenai apa yang disiarkan oleh orang lain. Facebook merupakan platform media sosial yang bebas untuk bersuara, Facebook adalah platform terpantas dalam penyebaran berita tidak sahih (Forbes, "*Facebook Spreads Fake News Faster Than Any Other Social Website, According to New Research*" Mar 21, 2020). Walaupun bagaimanapun kepentingan Facebook agak menurun baru-baru ini dan penonton yang lebih muda semakin beralih ke Instagram, namun Facebook tetap menjadi platform media sosial yang paling penting untuk maklumat penting (Newman et al., 2019; Miriam,2020). Harlow (2011) di dalam kajiannya menyatakan bahawa Facebook adalah salah satu sosial media yang dapat memberi kesan dalam bentuk gerakan sosial. Kajian ini juga mendapati bahawa Facebook menjadi elemen atau alat yang interaktif untuk menggerakkan orang dalam talian yang mampu bertindak sama ada di dalam dan luar talian. Facebook juga adalah medium yang berpotensi untuk membentuk revolusi (Baron,2012; Hanafi, R. 2017). Ini dapat dibuktikan dengan kewujudan gerakan sosial yang mempengaruhi pergerakan sosial di negara Malaysia melalui peralihan kuasa kerajaan pada pilihan raya ke 14 (PRU14).

Menurut Laurent southwick et al., (2021), platform media sosial seperti Facebook telah memainkan peranan besar dalam mensosialisasikan orang muda dalam komuniti dan penyebaran maklumat. Fakta ini telah di sokong melalui kajian lepas bahawa kebanyakan belia akan terdedah kepada kandungan politik melalui rangkaian media sosial tersebut apabila timbulnya isu politik (Rainie et al., 2012). Kemampuan menciptakan ruang dialog antara politik dan rakyat serta dapat menarik minat rakyat membuat Facebook semakin penting dalam politik (Stieglitz, D. 2012).

Kajian ini hanya akan memfokuskan penggunaan media sosial iaitu Facebook sebagai sumber platform untuk menyuarakan pendapat terhadap isu-isu politik dalam negara.Namun masih kurang pengetahuan mengenai bagaimana pemikiran audiens yang pelbagai, potensi merisikokan pendedahan

kepada mereka yang mungkin tidak mempunyai pendapat politik yang sama, dan kemungkinan berhadapan dengan audiens dalam konteks yang berlainan akan membentuk keputusan untuk memaparkan kandungan politik serta jenis kandungan politik yang akan dipaparkan. Belia beralih kepada media sosial untuk menyatakan perasaan mereka dan mencari maklumat yang tidak terdapat dalam media arus perdana (Drezner, F. 2004).

Pada masa yang sama, kawalan dari kerajaan dan syarikat media mengenai maklumat yang dipaparkan (Simmons, 2010) telah menjadikan belia memilih media sosial untuk maklumat politik (Smith, 2011).kajian ini secara tidak langsung meneroka peranan media sosial di Malaysia berpotensi sebagai sumber alternatif untuk maklumat politik (Grafik, 2006, Tang, 2009),literasi media mampu mengekang salah laku dan memupuk moral di kalangan golongan muda (Pathak-shelat, 2014) di media sosial dalam aspek analisis dan penilaian (Hassan et, al., 2019).

## Kandungan Maklumat Politik

Kandungan maklumat politik ialah maklumat yang berkaitan dengan aktiviti, isu, pendapat, atau keputusan yang melibatkan pelbagai pihak dalam bidang politik (Junaidi Awang, 2019). Menurut Bene (2019), corak penggunaan maklumat politik boleh mempengaruhi tingkah laku politik rakyat. Menurut Bene, (2019), mendapati bahawa dalam pilihan pengundian mereka, pengundi lebih bergantung kepada pendapat pemimpin dalam konteks peribadi mereka di media sosial. Hasil kajian Oxford internet 2013, telah menunjukkan rangkaian sosial dalam talian sebagai salah satu sumber utama maklumat dan berita terutamanya di kalangan generasi muda. Media sosial membolehkan komunikasi secara langsung antara ahli politik dan rakyat, serta dapat memintas saluran tradisional oleh ahli politik (Ohme et al., 2020). Menurut Allcott, G., (2017) maklumat tidak sahih menjadikan pengguna lebih sukar untuk membuat pilihan contohnya menyukarkan pengundi untuk memilih calon pilihan yang mana yang mereka sukai.

Golongan muda sebagai pengguna internet atau media sosial tidak hairan terhadap kandungan media sosial ahli politik sama ada mesej politik yang serius, atau bertujuan untuk menarik simpati (Alia et al., 2018). Fisher et al., (2019) mendapati bahawa pengikut ahli politik adalah golongan muda di kalangan rakyat biasa, mereka lebih suka mendengar secara langsung daripada ahli politik atau parti politik daripada melihat pandangan mereka ditapis oleh orang lain. Kajian yang dibuat oleh Enli, R., (2018) mendapati bahawa tahap kepercayaan rakyat terhadap ahli politik Norway lebih tinggi apabila ahli politik itu muncul di media sosial, yang mungkin dianggap sebagai ahli politik dapat menyampaikan versi jujur kisah mereka, tanpa campur tangan wartawan. Masyarakat dilihat lebih bergantung kepada media untuk mendapatkan maklumat (Ball-Rokeach dan DeFleur, 1976) seperti dalam Facebook iaitu maklumat pilihan raya politik. Kajian penyelidikan oleh Pew (Mitchell et al., 2020) yang dijalankan antara Oktober 2019 dan Jun 2020, mendapati bahawa mereka yang bergantung pada media sosial untuk berita politik.

Walau bagaimanapun, pengetahuan politik juga mungkin membantu individu untuk mengenal pasti maklumat tidak sahih yang sebenar. Pengetahuan politik, diukur sebagai pengetahuan kempen dalam konteks pilihan raya Austria, hal ini dikatakan sebagai prasyarat penting untuk dapat memahami dan menilai kebenaran maklumat politik secara lebih umum (lihat Mitchell, G. B.S., 2018; Van Duyn, C., 2019).

## Wanita Belia

Azizan (1995) menjelaskan definisi belia sekarang dalam lingkungan umur antara 15 hingga 40 tahun sebagai belia itu adalah luas. Menurut Chaudhari, K., (2015) berpendapat bahawa wanita yang berumur 18 hingga 30 diklasifikasikan sebagai wanita belia, manakala 20 hingga 30 adalah masa terbaik untuk memberi tumpuan kepada perkembangan politik dalam media sosial (Literat et al., 2018). Peranan wanita Malaysia lebih tertumpu kepada isu keluarga berbanding kesedaran politik. Ini dilihat apabila wanita yang ingin memilih antara kerjaya dan keluarga. Mereka akan mengutamakan keluarga (Danish Suleman et al., 2021). Secara keseluruhannya, peranan dan kedudukan wanita dalam masyarakat mencerminkan corak sejarah ketidaksamaan jantina dan diskriminasi relatif yang berterusan pada masa kini (Surman, R. 2020). Di Arab Saudi, wanita menghadapi cabaran sebenar dalam mencapai kesaksamaan di rumah, di tempat kerja dan dalam pendidikan, kesihatan serta kedudukan kepimpinan (Abderrahmane et al., 2020). Dalam konteks ini, adalah wajar untuk memetik beberapa komitmen

negara yang disebut dalam dokumen PBB, seperti; Memastikan hak sama rata bagi lelaki dan wanita dalam semua hak sivil dan politik *(International Civil and Political Rights International, 16 Disember 1966 Convention ICCPR, UN, 2021*).

Wanita belia yang tergolong dalam kumpulan yang kurang bernasib baik menghadapi pelbagai diskriminasi dan peluang untuk penglibatan dan penyertaan dalam politik (Philip N. Howardet al., UNICEF, 2021). Laporan kajian oleh The State of the World's Girls, (2021), maklumat tidak sahih yang dilakukan ke atas wanita muda terhadap tiga topik hangat di sosial media iaitu pilihan raya dan politik, covid-19, dan terakhir seks dan kesihatan seksual, namun di dapati bahawa maklumat tidak sahih yang mengeluarkan isu yang negatif di sosial media adalah pilihan raya dan politik berbanding yang lain.

### Tingkah Laku Terhadap Kandungan Maklumat Politik

Kandungan di media sosial mempunyai kesan yang besar terhadap bagaimana orang ramai melihat risiko, yang dapat mempengaruhi tingkah laku mereka (Chan et al. 2018; Yash et al., 2021). Pengetahuan dan sikap mengenai isu politik, adalah penting kerana pendedahan terhadap maklumat tidak sahih boleh menjejaskan sikap atau membawa kepada berat sebelah terhadap seseorang walaupun ia sudah diperbetulkan (Walter, M. 2018). Menurut Bene (2019), tingkah laku politik boleh dipengaruhi oleh pengaruh sosial. Tingkah laku dalam perkongsian maklumat yang tidak sahih terbukti disebabkan oleh kesukaran dalam menilai ketepatan maklumat (Pennycook et al., 2020).

Kajian oleh Tom Buchanan (2020), mencadangkan penyelidikan terhadap kesan tingkah laku yang dihadapi untuk kajian masa hadapan dalam perkongsian maklumat tidak sahih. Kebanyakkan kajian lepas, tidak mengfokuskan kepada jenis dan kredibiliti maklumat politik yang dicari (Hafizah Abdullah et al., 2021). Bagaimanapun, literasi informasi dan media sangat perlu dilakukan, supaya masyarakat dapat memanfaatkan media sosialnya dengan baik dan dalam mendapatkan informasi yang sahih (Fariza et al., 2022).

## PENDEKATAN TEORITIS




**Rajah 1:** Model Teori Literasi Media Oleh James W. Potter, (2004).

Tujuan teori literasi media adalah untuk membantu pengguna media menganalisis kandungan yang disampaikan media, dengan cara menilai objektif komersial dan politik di sebalik imej atau kandungan media, dan meneliti siapa yang bertanggungjawab terhadap kandungan yang tersirat pada kandungan tersebut (Potter, 2019). Teori ini melibatkan struktur pengetahuan, motivasi keputusan, alatan

pemprosesan maklumat, dan aliran kerja pemprosesan. Hal ini adalah kerana, setiap individu yang menentukan bagaimana kandungan ingin disampaikan (Kellner, S. 2019).

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menggunakan temu bual ke atas individu di kalangan wanita belia yang terdiri daripada mereka yang berumur dalam lingkungan berumur 18 hingga 34 tahun kerana mengikut kajian lepas mengenai media literasi selalunya tertumpu pada umur tersebut (Clark, M. 2018). Menurut Fah et al., (2021), penyelidikan kualitatif dianggap sebagai pendekatan yang sesuai apabila tidak banyak maklumat tersedia pada masa itu.

Kajian ini ingin mengetahui tentang pengalaman langsung mereka terhadap kesahihan maklumat politik di Facebook melalui temuduga mendalam ia juga merupakan kaedah kualitatif yang popular (Jasmi K. A, 2012). Kaedah ini digunakan untuk mendapat kefahaman lebih mendalam tentang sesebuah tajuk, contohnya motivasi, tingkah laku, perasaan, strategi membuat keputusan, atau pendapat orang tertentu terhadap sesuatu isu atau topik (Jasmi K. A, 2012). Dalam kajian ini wanita belia adalah sebagai informan untuk menjawab objektif kajian, ini adalah kerana menurut Oleksandra Golub et al., (2020), wanita belia kurang bernasib baik dalam politik.

Persempelan bertujuan *purposive sampling* akan dilakukan di dalam kajian ini. Prosedur persampelan merujuk kepada informan wanita belia yang berumur 18 sehingga 34 tahun yang mempunyai latar belakang pendidikan yang berbeza. Pemilihan sampel yang diambil secara bertujuan kerana tidak ada satu peraturan khusus boleh diguna bagi menentu saiz sampel untuk temu bual (Mohd Roni et al. 2022). Kaedah pengumpulan data akan dilakukan secara primer. Data primer akan dilakukan melalui kaedah temuduga secara mendalam. Data primer yang diterima akan dianalisis menggunakan *tematik analisis (thematic analysis)*. Ia juga melibatkan penggunaan instrumen-instrumen penyelidikan seperti soalan semi-struktur, jadual-jadual temubual dan pemerhatian-pemerhatian dan kesemua data yang berkaitan dengan kajian kualitatif. Pengumpulan data, penyelidik akan mula mengumpul dan menganalisis data yang diperoleh, dan menganalisis data juga dianggap sebagai satu lagi langkah penting dalam kajian kualitatif (K.H et al. 2021).

Dalam kajian ini, data dikumpul melalui dua informan telah ditemu duga secara mendalam, dan setiap informan berlangsung selama dua jam. Temuduga telah dijalankan dalam melayu. Informan ini adalah mereka dikalangan wanita belia yang berlainan latar belakang, pendidikan, umur dan persekitaran.Temuduga ini di jalankan hanya menggunakan dua informan sebagai ujian rintis.

**Jadual 1:** Matrik Informan

| Informan | Jawatan | Jestifikasi Pemilihan Informan | Pengalaman Dalam Media |
|---|---|---|---|
| **A5** | Penolong Pengarah, Jabatan Komunikasi Politeknik | Pengalaman dalam bidang media dan kewartawanan serta kakitangan Kerajaan.Pernah melibatkan diri | >5 |
| **A6** | Teknikal, bidang komunikasi | Pengalaman dalam bidang teknikal komunikasi serta kakitangan swasta. | Tiada pengalaman |

Informan yang ditemu bual secara mendalam dilabelkan sebagai 1 dan 2. Mereka telah dipilih untuk menyumbang kepada pengumpulan data kerana pengalaman dan pengetahuan mereka dalam media. Data kualitatif diperolehi daripada kajian ini dianalisis menggunakan perisian ATLAS.ti versi laman web. Rasionalnya kajian ini untuk membincangkan pengetahuan wanita belia dalam mentafsir literasi kandungan dan tingkah laku mereka terhadap kandungan tersebut.

Data yang dikumpul daripada temuduga mendalam telah ditranskripsikan secara verbatim menggunakan kaedah manual dan dengan bantuan alat *Microsoft Word Dictation*, dan kandungan transkrip telah diberikan kepada peserta untuk ujian kesahan. Kemudian transkrip ditukar kepada fail

PDF dan dianalisis dalam versi laman web perisian ATLAS.ti. Manuskrip kemudiannya dikodkan baris demi baris menggunakan analisis tematik.

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kod daripada transkrip temu bual telah dikodkan baris demi baris dengan versi laman web Perisian ATLAS.ti, dan 34 kod muncul daripada data. Kod tersebut kemudiannya dikumpulkan di dalam kategori.

**Jadual 2:** Kategori Kod

| KOD | Freq | KOD | Freq |
|---|---|---|---|
| Agenda Politik | 3 | Mengetahui Kandungan | 1 |
| Ahli Parlimen | 1 | Negatif | 2 |
| Blogger | 1 | Peranan Media | 1 |
| Blogspot | 1 | Perspektif | 3 |
| Clickbait | 1 | Positif | 5 |
| Data | 1 | Propaganda | 2 |
| Facebook | 22 | Releven | 2 |
| Info | 3 | Sensitif | 1 |
| Isu | 8 | Sumber Maklumat | 2 |
| Kandungan Maklumat | 14 | Tajuk Berita | 2 |
| Kepercayaan Maklumat | 3 | Tidak Berminat | 1 |
| Kesahihan Kandungan | 4 | Tidak Digemari | 1 |
| Komen | 1 | Tidak Mengambil Tahu | 1 |
| Kredibiliti Kandungan | 3 | Tidak Releven | 1 |
| Literasi Maklumat | 4 | Tidak Sahih Kandungan | 3 |
| Maklumat Politik | 30 | Tingkah Laku | 3 |
| Mengambil Tahu | 1 | Wanita Belia | 4 |

Seterusnya, kod-kod telah dikumpulkan ke dalam 6 kategori yang disenaraikan dalam jadual di bawah:

**Jadual 3:** Kategori

| No | Kategori |
|---|---|
| 1. | Pengenalan kepada sumber maklumat |
| 2. | Analisis Kritis |
| 3. | Kesedaran terhadap kandungan |
| 4. | Kemahiran Pencarian |
| 5. | Kritikal terhadap media sosial |
| 6. | Pendidikan Digital |

Literasi kandungan maklumat merujuk kepada Kemahiran untuk memahami, menilai dan mengkritik maklumat yang diterima. Ini termasuklah kemampuan untuk mengenali sumber yang boleh dipercayai, memahami konteks dan mengenal pasti bias atau manipulasi dalam maklumat tersebut. Kategori ini juga merujuk kepada langkah yang boleh membantu untuk meningkatkan pengetahuan dalam literasi kandungan maklumat.

Dua tema kemudiannya muncul daripada kajian ini. Tema yang muncul daripada kajian adalah seperti yang dicadangkan di bawah:

Tema 1: Pengetahuan dalam mentafsir literasi kandungan maklumat politik
Tema 2: Kesan tingkah laku terhadap penerimaan kandungan maklumat politik

A5 kerap membincangkan tentang kredibiliti kandungan, dimana kredibiliti dapat dinilai melalui sumber mana berita tersebut dikeluarkan dan juga maklumat berita tersebut.

> *"Menilai kredibiliti hmmm it bases on previous tapi kalau kata nak tanya saya, saya memang orang media jadi macam bias la kalau nak tanya saya kan pada saya media ni apa yang dikeluarkan tu adalah base on maklumat yang dia dapat daripada sumber..."*
>
> *Pp.7-8, masa 1:20 minit*

Sementara itu A6, pula membuat penilaian melalui kandungan yang releven, kerana terdapat beberapa sumber yang dikeluarkan terutama berita mengeluarkan kandungan yang tidak releven.

> *"Saya pilih kepada maklumat releven tu more kepada yang sensitif lah..."*
>
> *Pp.1-2, masa 2:17 minit*

Bagi pendapat A5, tajuk adalah penting untuk menarik minat pembaca termasuk artikel politik, ramai pembaca membuat penilaian awalan sesuatu artikel adalah melalui tajuk.

> *"Selalunya yang mempengaruhi saya tentang politik adalah daripada tajuk berita yang dikeluarkan membuatkan saya tertarik untuk membaca."*
>
> *Pp.8-9, masa 1:24* minit

A5 juga bersetuju dengan A6, di mana kandungan maklumat politik lebih kepada propaganda politik untuk menarik minat pembaca dan memberikan perspektif yang berbeza kepada mereka terhadap politik negara setelah menilai kandungan maklumat tersebut.

> *"Hmmm okay basically maklumat politik ni saya Nampak patennya di dada akhbar dan media especially bila dekat dengan pilihan raya aa contohnya hmm dia ada satu lagi terma dimana bila maklumat aa bila nak dekat pilihan raya ni kan dia akan banyak mengeluarkan berita-berita politik it could be good one or cloud be a bad one so benda-benda ni boleh nak mempengaruhi netizen punya point of the perspective dalam memilih government secara tidak langsung jadinya kadang-kadang ada juga situasi dimana bila berlaku sesuatu yang besar dalam negara dan benda itu tidak perlu diberi attention terlalu banyak dia akan ada lagi satu isu untuk mengalihkan perhatian netizen supaya tidak terlalu mengambil serious sangat pada sesuatu isu ini jadi I think to me it's all about mainan propaganda media..."*
>
> *Pp.4-5, masa 1:10 minit*

Daripada penjelasan dan perbincangan petikan di atas, pengetahuan wanita belia dalam mentafsir kesahihan literasi kandungan maklumat politik adalah masih lemah dan ini memberi kesan tingkah laku mereka terhadap penerimaan kandungan maklumat politik.Ini kerana kerajaan, pihak birokrasi politik dan masyarakat tidak meletakkan cadangan, kaedah atau garis panduan yang mungkin untuk penyelesaian masalah ini.Sekiranya ia tidak di banteras dari awal penyertaan wanita terutama wanita belia akan berkurangan di dalam Parlimen serta peryertaan wanita sebagai suara dalam pembuat dasar juga akan berkurangan.

## KESIMPULAN

Kajian ini mengenal pasti pengetahuan wanita belia dalam mentafsir kesahihan literasi kandungan maklumat politik dan kesan tingkah laku terhadap kandungan maklumat politik di Facebook.Penemuan dan hasil kajian ini menunjukkan bahawa literasi kandungan politik adalah penting untuk menarik minat wanita belia dalam bidang politik selain itu dapat memberi kesedaran pentingnya penulisan sesuatu kandungan maklumat terutama maklumat politik kepada masyarakat.Kualiti terhadap data kualitatif yang diperoleh daripada informan yang melibatkan dua orang informan telah menyumbang kepada penemuan 34 kod awal yang diperoleh daripada prosedur analisis data dengan menggunakan versi laman web perisian ATLAS.ti. Lima kategori kemudiannya diperoleh daripada kod, dan dua tema muncul daripada proses pengekodan, (1) pengetahuan dalam mentafsir literasi kandungan maklumat politik dan (2) kesan tingkah laku terhadap penerimaan kandungan maklumat politik. Kesan kepentingan kajian ialah keputusan yang diperoleh daripada informan untuk mengkaji pengetahuan wanita belia terhadap literasi kandungan maklumat politik dan tingkah laku mereka terhadap penerimaan maklumat politik.

Seperti yang dinyatakan oleh informan, mereka mengharapkan kerajaan atau pihak birokrasi politik untuk menarik minat mereka dalam bidang politik serta memberi kesedaran kepada masyarakat dalam pemilihan kandungan maklumat terutama berkaitan dengan politik. Maklumat politik di media sosial memberi kesan kepada literasi media terutama di kalangan golongan belia terutama wanita belia (Ojebuyi, S. 2015). Walaubagaimana pun, golongan belia yang mempunyai tahap kecenderungan politik yang tinggi lebih berminat dan mempunyai pengetahuan politik yang tinggi (Wolfsfeld et al., 2015). Pengetahuan kesahihan literasi kandungan maklumat politik dapat membantu pengguna media sosial untuk membuat keputusan yang berasaskan fakta dan bukan emosi semata-mata (Ellyanis, A. 2020).

Justeru itu, amat penting bagi pengguna media sosial terutama golongan wanita belia untuk memahami aspek analisis dan penilaian dalam proses perbandingan sumber maklumat politik di media sosial sebelum maklumat itu digunakan atau disebarkan. Bagi menilai integriti penyertaan politik dikalangan golongan wanita belia dalam kemahiran menganalisis dan menilai kandungan maklumat politik di media sosial (Toepfl, 2014). Ini kerana pendedahan kepada maklumat politik dapat memberi kesan positif dan negatif terhadap penyertaan politik kepada golongan wanita belia.

## RUJUKAN

Maliki, J. M. (2019). Konstruksi Identiti DAlam Talian daripada Perspektif Pengguna Facebook . *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal Of Communication* , 119-134.

Schudson, M. (2017). Second Thoughts. *Journalism Studies*, 1334-1342. The Latest Facebook Statistics: Everything You Need to Know. (n.d.). Data portal – Global Digital Insights. https://datareportal.com/essential-facebook stats?utm_source=DataReportal&utm_medium=Country_Article_Hyperlink&utm_campaign=Digital_2023&utm_term=Malaysia&utm_content=Facebook_Stats_Link

Reuters Institute for the Study of Journalism, (2021, November 23). Reuters Institute Digital News Report 2021. *Digital News Report 2021*. Diambil dari, https://reutersinstitute.politics.ox.ac.uk/digital-news-report/2021/dnr-executive-summary.

Asia Centre, (2022). *Youth And Disinformation in Malaysia: Strengthening Electoral Integrity*. Asia Centre.Diambil dari, https://asiacentre.org/baseline-studies/.

Barbie, Z, (2018). *Fake News in Context. Annenberg School for Communication.* Diambil dari, https://doi.org/https://firstdraftnews.org/wp-content/uploads/2018/03/The-Disinformation-Ecosystem-20180207-v2.pdf.

Steiner, M, (2020). *Soft presentation of hard news? A content analysis of political Facebook posts*. Media and Communication, 8(3), 244–257. Diambil dari, https://doi.org/10.17645/mac.v8i3.3152.

De Vreese, C., Azrout, R.,Moeller, J, (2016). *Cross road elections: Change in EU performance evaluations during the European Parliament Elections 2014*. Politics and Governance, 4(1), 69–82. Diambil dari, https://doi.org/10.17645/pag.v4i1.462.

Loke, J., Bachmann, I., Harp, D, (2016). *Co-opting feminism: Media discourses on political women and the definition of a (new) feminist identity*. Media, Culture & amp; Society, 39(1), 122–132.Diambil dari, https://doi.org/10.1177/0163443715604890.

Almenar, E., Aran-Ramspott, S., Suau, J., Masip, P, (2021). *Gender differences in tackling fake news: Different degrees of concern, but same problems*. Media and Communication, 9(1), 229–238.Diambil dari, https://doi.org/10.17645/mac.v9i1.3523.

Sharifah Syahirah, S. S., Fatimah Bibi, H.,Muhd Bazli, H, (2018). *Leadership, policy and governance in Malaysia: A study on gen Y perception and expectation*. In Advances in Intelligent Systems and Computing (pp. 683–691). Springer Singapore. Diambil dari, http://dx.doi.org/10.1007/978-981-10-8612-0_71.

Sharifah Syahirah SS, Fadilah Puteh, Mohd Faizal Mohd Arif, Azizan Zainuddin, Azman Ayob, Fatimah Bibi Hamzah, Muhd Bazli Hashim, (2016). Kajian Wanita Muda Kebangsaan 2016: Cabaran Wanita Muda Di Malaysia. Diambil dari, Https://Www.Researchgate.Net/Profile/Sharifah-Syahirah-Ss/Publication/322713516_CABARAN_WANITA_MUDA_DI_MALAYSIA/Links/5f08100b92851c52d62697b2/CABARAN-WANITA-MUDA-DI-MALAYSIA.Pdf.

*Measuring the prevalence of online violence against women*, (1, March, 2021). The Economist Intelligence Unit and is supported by Jigsaw. Diambil dari, https://onlineviolencewomen.eiu.com/.

Rekker, R, (2022). *Political polarization over factual beliefs. Knowledge Resistance in High-Choice Information Environments*, 222–236. Diambil dari, https://doi.org/10.4324/9781003111474-12.

Fauziah Ibrahim, Juliana Rosmidah Jaafar, Sheau Tsuey Chong, Denise Koh Choon Lian, (2017). Perbandingan Tingkah Laku Sosial Berdasarkan Gender Antara Generasi Muda Tinggal di Kawasan Terpinggir Dan Arus Perdana Di Malaysia. Jurnal Psikologi Malaysia 31 (2) (2017): 1-11 ISSN-2289-8174.

Jaslinah Makantal, Mariani Md. Nor dan Mohd.Nazri Abd. Rahman, (2021). Pengaruh Gender Dalam Mencorakkan Interaksi Sosial Kanak-Kanak Semasa Main Bebas Di Prasekolah. Vol. 18. No.1 (2021) 124-138. ISSN: 1823-884x. Diambil dari, http://journalarticle.ukm.my/16566/1/45800-147615-1-SM.pdf.

Emily K. Vraga, Melissa Tully, Adam Maksl, Stephanie Craft, dan Seth Ashley, (2020). *Theorizing News Literacy Behaviors*. Communication Theory ISSN 1050–3293.Diambil dari, https://dispatchcdn.its.uiowa.edu/clas.sjmc/client/vraga_et_al_2020_theorizing_news_literacy_behaviors.pdf.

Cameron Martel, Gordon Pennycook, dan David Gertler Rand, (2020). *Reliance on emotion promotes belief in fake news*. Doi: 10.1186/s41235-020-00252-3.Diambil dari, https://www.researchgate.net/publication/345991064_Reliance_on_emotion_promotes_belief_in_fake_news

Melanie Freeze, Mary Baumgartner, Peter Bruno dan, Jacob Gunderson, (2020). *Fake Claims of Fake News: Political Misinformation, Warnings, and the Tainted Truth Effect*. DOI:10.1007/s11109-020-09597-3. Diambil dari, https://www.researchgate.net/publication/339063155_Fake_Claims_of_Fake_News_Political_Misinformation_Warnings_and_the_Tainted_Truth_Effect.

Bahadır Eristi, dan Cahit Erdem, (2017). *Development of a Media Literacy Skills Scale*. July 2017Contemporary Educational Technology 8(3):249-267. DOI: 10.30935/cedtech/6199. Diambil dari, https://www.researchgate.net/publication/318702028_Development_of_a_Media_Literacy_Skills_Scale.

M Ismail Alif, Arvin Hardian, Fajar Kurniawan, A Yudo Triartanto, Adhi Dharma Suriyanto, (2018). *Literasi Media Dalam Menanggulangi Berita Hoax (Studi Pada Pelajar SMKN 4 Bekasi dan Mahasiswa AKOM BSI, Jakarta).* Beranda: Vol 1, No 3 (2018); Alif.Diambil dari, https://ejournal.bsi.ac.id/ejurnal/index.php/abdimas/article/view/4052.

Sharon Goulds, Isobel Fergus, Dr Lucia Rost dan Aisling Corr, (Plan Internationa, 2021). *The Truth Gap; How Misinformation and Disinformation Online Effect the Lives, Learning and Leadership of Girls and Young Women*. The State of The World's Girls. Plan International.Diambil dari, https://plan-international.org/uploads/2022/02/sotwgr2021-commsreport-en.pdf.

Matthes, J., Nanz, A., Stubenvoll, M., dan Heiss, R, (2020). *Processing news on social media. The political incidental news exposure model (PINE).* Journalism, 21(8), 1031–1048. Diambil dari, https://doi.org/10.1177/1464884920915371.

Jordi Rodriguez-Virgili, Aurken Sierra, Javier Serrano-Puche, (2020). *Motivations For News Exposure in Different Media Systems: A Comparative Study of Germany, Spain and The United Kingdom.* Media studies, Communication studies. Univerzita sv. Cyrila a Metoda v Trnave, Fakulta masmedialnej komunikacie.Diambil dari, https://www.ceeol.com/search/article-detail?id=1040703.

Greenwood, Sue, (2018). *Public space or public sphere? An examination of Facebook as a new space for political talk through online ethnographic study of citizen engagement during a UK general election.* York St John (RaY) is an institutional repository.Diambil dari, https://ray.yorksj.ac.uk/id/eprint/4580/2/PhDv3Merged.pdf.

Fazlina, S, Sumarmin, R, Putri, I.L.E, dan Yogica, R, (2019). *Pengembangan handoutdengan tampilan majalah yang dilengkapi peta konsep tentang interaksi makhluk hidup dan lingkungannya untuk peserta didik kelas VII SMP*. Bioeducation Journal. 3 (1): 73-83. Diambil dari, http://bioeducation.ppj.unp.ac.id/index.php/bioedu/article/view/134.

Nathan Walter dan Sheila T Murphy, (2018). *How to unring the bell: A meta-analytic approach to correction of misinformation.* May 2018, Communication Monographs 85(3):1-19. Diambil dari, https://www.researchgate.net/publication/325174490_How_to_unring_the_bell_A_meta-analytic_approach_to_correction_of_misinformation.

Pusat Penyelidikan Undian UCSI, (14, June, 2021). *Fake News.*Diambil dari, https://www.ucsipoll.org.my/poll-finding/fake-news.

Ullrich K H Ecker, Stephan Lewandowsky, John Cook, Philipp Schmid, Lisa K Fazio, Nadia Brashier, Panayiota Kendeou, Emily K Vraga, Michelle A Amazeen, (2022). *The psychological drivers of misinformation belief and its resistance to correction*. Nature Reviews Psychology, Published - 12 Jan 2022. 10.1038/s44159-021-00006-y. Diambil dari, https://research-information.bris.ac.uk/en/publications/the-psychological-drivers-of-misinformation-belief-and-its-resist.

Valenzuela, S., Muñiz, C., dan Santos, M, (2022). *Social Media and Belief in Misinformation in Mexico: A Case of Maximal Panic, Minimal Effects?* The International Journal of Press/Politics, 0(0). Diambil dari, https://doi.org/10.1177/19401612221088988.

Free Malaysia Today, Reporters (9, November, 2022). *Coalition calls out media for focusing on female candidates' looks.* Diambil dari, https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2022/11/09/coalition-calls-out-media-for-focusing-on-female-candidates-looks/.

Saskia Brechenmacher, Ruth-Marie Henckes, dan, Elisa Lledo (2020). *Bolstering Women's Political Power: Lessons from the EU's Gender Action Plan II*. Carnegie Endowment for International Peace. Diambil dari, https://carnegieeurope.eu/2021/12/07/bolstering-women-s-political-power-lessons-from-eu-s-gender-action-plan-ii-pub-85921.

Trinovella Elvionita dan Shahrul Nazmi Sannusi, (2021). Kajian Literasi Media Dalam Kalangan Pelajar Terhadap Isu KontroversiMalaysia dan Indonesia di Media Sosial. Jurnal Wacana Sarjana, Volume 5(5) November 2021: 1-17; e-ISSN2600-9501.Diambil dari, file:///C:/Users/minna/Downloads/444-Article%20Text-623-1-10-20220704.pdf.

Freeze, M, Baumgartner, M, Bruno, P, Gunderson, J. R, Olin, J, Ross, M. Q, & Szafran, J, (2020). *Fake Claims of Fake News: Political Misinformation, Warnings, and the Tainted Truth Effect.* Political Behavior, 43(4), 1433–1465. Diambil dari, https://doi.org/10.1007/s11109-020-09597-3.

Yash Chawla, et al, (2021). *Predictors and outcomes of individual knowledge on early-stage pandemic: social media, information credibility, public opinion, and behavior in a large-scale global study*. Information Processing & Management, Volume 58, Issue 6, November 2021, 102720. Diambil dari, https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S0306457321002041.

Kahne, J, dan Bowyer, B, (2017). *Educating for Democracy in a Partisan Age: Confronting the Challenges of Motivated Reasoning and Misinformation.* American Educational Research Journal, 54(1), 3–34. Diambil dari, https://doi.org/10.3102/0002831216679817.

Kahne, J, dan Bowyer, B, (2019). *Motivated Circulation: How Misinformation and Ideological Alignment Influence the Circulation of Political Content*. International Journal of Communication.Diambil dari, https://ijoc.org/index.php/ijoc/article/view/11527.

Stacy Miller (2019). Examining Engagement Behavior on social media Related to Fake News.University of South Alabama, ProQuest Dissertations Publishing, 2019. 27547664. Diambil dari, https://search.proquest.com/openview/037854a983f3383606e7e1380c87b8c9/1?pq-origsite=gscholar&cbl=18750&diss=y.

Van Duyn, Emily, and Jessica Collier, (2019). Priming and Fake News: The Effects of Elite Discourse on Evaluations of News Media. Mass Communication and Society 22 (1): 29–48.

Georgiou N, Delfabbro P, Balzan R, (2020). *COVID-19-related conspiracy beliefs and their relationship with perceived stress and pre-existing conspiracy beliefs.* Pers Individ Dif. 2020 Nov 1; 166:110201. doi: 10.1016/j.paid.2020.110201. Epub 2020 Jun 16. PMID: 32565592; PMCID: PMC7296298. Diambil dari, https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC7296298/.

Bene, M, (2017). *Influenced by Peers: Facebook as an Information Source for Young People. Social Media and Society*. 3(2), 205630511771627. Diambil dari, https://doi.org/10.1177/2056305117716273.

Pennycook, G, McPheters, J, Zhang, Y, Lu, J. G, & Rand, D. G, (2020). *Fighting COVID-19 Misinformation on social media: Experimental Evidence for a Scalable Accuracy-Nudge Intervention.* Psychological Science, 31(7), 770–780. Diambil dari, https://doi.org/10.1177/0956797620939054.

Baran S. J. (2014). *Introduction to mass communication: media literacy and culture updated edition (Updated Eighth)*. McGraw-Hill Education.

Livingstone, S, (2019). *Audiences in an Age of Datafication: Critical Questions for Media Research. Television & New Media*, 20(2), 170–183. Diambil dari, https://doi.org/10.1177/1527476418811118.

Agus Irianto, (2017). *Statistik Konsep Dasar, Aplikasi, dan Pengembangannya.* Jakarta: PT. Prenada Media Group.

Mohd Sufiean Hassan et, al, (2019). Perspektif Literasi Media Aspek Analisis Dan Penilaian: Amalan Integriti Penyertaan Politik Golongan Muda di Media Sosial. Jurnal Sains Sosial. Diambil dari, http://www.kuim.edu.my/journal/index.php/JSS/article/view/476.

W. James Potter, (2019). *Media Literacy*. SAGE Publications. 1506366287, 9781506366289.

Potter dan Thai, (2019). *Reviewing Media Literacy Intervention Studies for Validity*. Review of Communication Research2019, Vol.7doi: 10.12840/ISSN.2255-4165.018ISSN: 2255-4165. Diambil dari, https://www.academia.edu/38218168/Potter_and_Thai_2019_Reviewing_Media_Literacy_Intervention_Studies_for_Validity.

Kellner dan Share, (2019). *The Critical Media Literacy Guide: Engaging Media & Transforming Education*. DOI:10.1163/9789004404533. Publisher: Brill / Sense Publisher. ISBN: 978-90-04-40452-6. Diambil dari, https://www.researchgate.net/publication/332233562_The_Critical_Media_Literacy_Guide_Engaging_Media_Transforming_Education.

Clark dan Marchi, (2018). *How Social Media Practices Facilitate Adolescent and Emerging Adult Political Life.* A Networked Self and Birth, Life, Death. 9781315202129.

Jasmi, K. A. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatitif.Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012. Diambil dari, https://www.researchgate.net/publication/293097563_Metodologi_Pengumpulan_Data_dalam_Penyelidikan_Kualitatitif.

Mohd Roni, N. A, Ali, H, Wan Mat Alli, W. E, dan Abdul Hamid, S. A, (2022). *Lessons Learned Through Research on Information-Seeking Behavior and Needs Among Medical Professionals in Malaysia.* Journal of Academic Library Management (AcLiM), 2(1), 14–21. Diambil dari, https://aclim.uitm.edu.my/article/article/view/17.

Tumen-Akyıldız, S, dan Ahmed, K.H, (2021). *An Overview of Qualitative Research and Focus Group Discussion*. International Journal of Academic Research in Education. DOI:10.17985/ijare.866762. Diambil dari, https://www.researchgate.net/publication/351469415_An_Overview_of_Qualitative_Research_and_Focus_Group_Discussion.

Tamboer, S. L, Kleemans, M, & Daalmans, S, (2022). *'We are a neeeew generation': Early adolescents' views on news and news literacy.* Journalism, 23(4), 806–822. Diambil dari, https://doi.org/10.1177/1464884920924527.

Hamdani M. Syam dan Febri Nurrahmi, (2020). *"I Don't Know If It Is Fake or Real News" How Little Indonesian University Students Understand Social Media Literacy*. Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication. Jilid 36(2) 2020: 92-105. Diambil dari, http://journalarticle.ukm.my/16043/1/36189-129734-1-PB.pdf.

Buchanan T, (2020). *Why do people spread false information online? The effects of message and viewer characteristics on self-reported likelihood of sharing social media disinformation*. PLOS ONE 15(10): e0239666. Diambil dari, https://doi.org/10.1371/journal.pone.0239666.

Hafizah Abdullah et al, (2021). *Social Media, Youths and Political Participation in Malaysia: A Review of Literature*. International Journal of Research in Business and Social Science (2147-4478) 11(4):845-857. Diambil dari, https://www.researchgate.net/publication/351711353_Social_Media_Youths_and_Political_Participation_in_Malaysia_A_Review_of_Literature.

Fariza, M, Kartika, I, & Suprayogi, M, (2022). *Pemanfaatan Media Sosial dalam Mendapatkan Kesahihan Informasi di Era Pandemi Covid-19.* Jurnal FPPTI, 1(1), 18–25. Diambil dari, https://jurnal.fppti.or.id/index.php/jfppti/article/view/11.

Michael Hameleers, (2022). *Separating truth from lies: comparing the effects of news media literacy interventions and fact-checkers in response to political misinformation in the US and Netherlands.* Information, Communication & Society. Volume 25, 2022 - Issue 1. Diambil dari, https://www.tandfonline.com/doi/full/10.1080/1369118X.2020.1764603?scroll=top&needAccess=true&role=tab.

Isa, F. (2023). The Benefits of Contract Agreement Literacy Among Technopreneur's in Supporting the Gig Economy in Malaysia. *UPSI Medical Journal, V2*. https://doi.org/ISSN no: 1823-8521

Tong Seng Fah, Kee Khuan, Lim Pek Hong (2021), The role of theory n Qualitative Research. From Metatheory to Local Theory, Malaysian Journal of Qualitative Research, 7(2), ISSN No.: 1823-8521

Ojebuyi, B. R., & Salawu, A. (2015). Media Literacy, Access and Political Participation Among South African Black Youth: A Study of North-West University, Mafikeng Campus. Journal of Communication, 6(1), 207–218.

Wolfsfeld, G., Yarchi, M., & Samuel-Azran, T. (2015). Political Information Repertoires and Political Participation. New Media & Society, 18(9), 2096-2115.